

29 OCT 2001

Afghanistan-Pengeboman

PENGEBOMAN BERTERUSAN DI AFGHANISTAN PERBUATAN GILA, KATA PENGANALISIS

Oleh: Azman Ujang

KUALA LUMPUR, 29 Okt (Bernama) -- Pengeboman berterusan oleh Amerika Syarikat di Afghanistan adalah perbuatan gila and melampaui matlamatnya untuk memerangi keganasan, menurut seorang penganalisis tentera yang terkemuka di Malaysia hari ini.

Abdul Razak Abdullah Baginda berkata, pada mulanya, matlamat kempen Amerika di Afghanistan ialah untuk memerangi keganasan, terutama terhadap Osama bin Laden sebagai suspek utama dalam serangan pada 11 Sept di New York dan Washington, dan terhadap Taliban, yang menurutnya menaja keganasan.

" Tetapi sekarang, Amerika menyerang sasaran-sasaran yang tidak ada kena-mengena dengan keganasan dan tidak lagi penting," kata Abdul Razak yang menyusuli langkah pelbagai kumpulan dan individu di Malaysia yang mendesak Amerika menghentikan pengebomannya ke atas negara itu.

Abdul Razak, pengarah eksekutif Pusat Penyelidikan Strategik Malaysia, badan pemikir mengenai pertahanan, berkata strategi yang digunakan oleh Amerika di Afghanistan adalah sama seperti dilakukannya di Iraq semasa Perang Teluk walaupun keadaan jauh berbeza.

" Di Iraq, tentera Iraq mempunyai formasi kereta kebal, lapangan terbang dan stesen komunikasi yang sophisticated tetapi Afghanistan mirip kepada Zaman Batu. Amerika Syarikat melancarkan pengeboman demi pengeboman sehingga tidak ada lagi sasaran untuk dibom dan sebab itulah mereka sekarang menyerang sasaran awam termasuk kanak-kanak," kata beliau kepada Bernama.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pada Sabtu bahawa Amerika Syarikat harus menghentikan pengeboman di Afghanistan kerana serangan itu menyebabkan orang awam lebih teruk mengalami kerosakan daripada Taliban atau pergerakan Al Qaeda pimpinan Osama bin Laden.

" Sepanjang pengetahuan saya, belum ada laporan yang mengesahkan bahawa mana-mana anggota Al Qaeda terbunuh dalam serangan itu," kata Dr Mahathir ketika angka kematian membabitkan orang awam akibat serangan Amerika yang melewati minggu ketiga semakin meningkat.

" Kempen sekarang lebih berbahaya dengan Amerika menyerang sasaran-sasaran awam. Garisan itu semakin tipis. Ia sudahpun tipis pada mulanya dalam konteks sasaran tentera atau sasaran serangan sebagai sasaran utama dalam kempen itu," kata Abdul Razak.

Beliau berkata: " Amerika Syarikat tidak mempunyai apa-apa lagi sasaran untuk diserang dan saya berpendapat Amerika sudah gila.

Abdul razak berkata sepanjang pengetahuannya mengenai Afghanistan, negara itu tidak lagi mempunyai infrastruktur selepas dibom secara berterusan selama hampir sebulan dan infrastruktur yang tinggal adalah yang sudah usang.

" Pengeboman selama hampir sebulan bermakna beribu-ribu sasaran telah terkena bedilan di Afghanistan.

" Kita tidak boleh memerangi keganasan menggunakan cara konvensional. Katakanlah selepas dua bulan, pengeboman berhenti tetapi satu lagi serangan seperti di New York berlaku semula, jadi adakah pengeboman selama dua bulan itu mencapai objektifnya," beliau bertanya.

Abdul Razak menyifatkan tindakan Washington meneruskan pengeboman ke atas Afghanistan sebagai menunjukkan "keangkuhan Amerika sambil berkata dalam Perang Teluk pada 1990, Iraqi diperkuatkan dengan angkatan tentera canggih yang mempunyai sistem perisikan dan komunikasi yang kukuh tetapi

Afghanistan tidak mempunyai sistem seperti itu.

" Taliban tidak mempunyai tentera yang sophisticated. Sebenarnya, tentera Taliban cuma mempunyai peralatan lama. Mereka tidak mempunyai sistem perisikan dan komunikasi yang canggih. Yang mereka ada cuma khemah-khemah.

Abdul Razak juga berkata beliau terkilan Hadiah Nobel bagi Kemanan tahun ini dianugerahkan kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Kofi Annan dan PBB sendiri sedangkan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu langsung tidak melakukan sesuatu untuk menghentikan pengeboman di Afghanistan.

" Badan dunia itu tidak mengambil apa-apa tindakan untuk menghentikan peperangan di Afghanistan dan akibatnya orang yang tidak berdosa terbunuh. Majlis Keselamatan PBB langsung tidak bersidang," kata Abdul Razak.

Beliau berkata Amerika Syarikat sekarang tidak lagi mempunyai prinsip moral untuk menjadi pegangan kerana kempennya di Afghanistan telah mencetuskan apa yang mungkin disifatkan sebagai tragedi kemanusiaan paling buruk dalam sejarah dengan berjuta-juta rakyat Afghanistan yang melarikan diri daripada peperangan menghadapi kebuluran terutama menjelang musim sejuk tidak lama lagi.

" Kita sekarang hampir menyaksikan tragedi paling buruk menimpa di Afghanistan dan dunia menyaksikannya tanpa mampu berbuat apa-apa.

" Dan ini dilakukan oleh Amerika Syarikat yang mendakwa memperjuangkan demokrasi, prinsip kemanusiaan dan hak asasi manusia. Amerika tentu membuat lawak.

" Yang paling teruk ialah Amerika Syarikat mendakwa menjadi juara demokrasi dan hak asasi manusia. Ia tidak mempunyai prinsip moral mulai sekarang," kata Abdul Razak.

-- BERNAMA

AU AU FAZ